



Menteri Pendidikan, Encik Desmond Lee, berucap dalam Siri Penceramah Terkemuka NUS 120, anjuran Universiti Nasional Singapura (NUS) pada 21 Mei. – Foto NUS

Penuntut institut pengajian tinggi akan belajar kemahiran AI mulai 2027

Menjelang 2027, semua pelajar daripada Institut Pengajian Tinggi (IHL) di Singapura akan berpeluang mengembangkan kemahiran kecerdasan buatan (AI) dalam disiplin masing-masing.

IHL telah mengenal pasti kecekapan asas AI yang akan diterapkan dalam modul wajib bagi semua pelajar menjelang Tahun Akademik 2027.

Satu set kecekapan telah dibangunkan untuk universiti autonomi, manakala satu lagi set dibangunkan untuk politeknik dan Institut Pendidikan Teknikal (ITE).

Mengumumkan langkah tersebut di Siri Penceramah Terkemuka NUS 120 anjuran Universiti Nasional Singapura (NUS) pada 21 Mei, Menteri Pendidikan, Encik Desmond Lee, berkata matlamatnya adalah untuk memastikan setiap pelajar di Singapura – tanpa mengira institusi yang mereka hadiri – menerima kecekapan AI asas secara tekal dan kukuh.

Apa yang penting ialah “keupayaan untuk menggabung dan mengaplikasikan AI dengan pengetahuan mereka secara bermakna dalam disiplin masing-masing”, kata Encik Lee.

Pada April, Encik Lee mengumumkan penubuhan satu jawatankuasa bagi memandu penggunaan AI dalam sektor pengajian tinggi Singapura, serta menyokong usaha Majlis AI Kebangsaan, satu majlis antara kementerian, yang membantu Singapura memanfaatkan AI sebagai satu kelebihan strategik.

“Kami merangka langkah ini sebagai satu peningkatan daripada pendedahan AI yang akan diterima oleh pelajar di sekolah menengah dan maktab rendah,” kata Encik Lee di acara yang berlangsung di Bangun-

an Sea di kampus Kent Ridge NUS.

Set kecekapan tersebut merangkumi pelbagai kemahiran, termasuk memahami had keupayaan AI, menggunakannya untuk memperdalam pembelajaran, tetapi bukan untuk mengambil alih fungsi berfikir.

Pelajar IHL juga akan menggunakan AI untuk menyelesaikan masalah sambil menilai implikasi etika, sosial, dan undang-undangnya secara kritikal.

Pelajar akan tetap diajar perkara asas, iaitu pengetahuan disiplin yang mendalam serta melaksanakan pertimbangan, kata Encik Lee.

“Ini membolehkan mereka mengaplikasikan pengetahuan khusus dalam bidang (masing-masing) apabila menggunakan AI, untuk mencipta serta menilai hasil kerja secara kritikal, seterusnya memperkemas atau menolak hasil yang tidak memenuhi keperluan pengguna atau matlamat yang ditetapkan,” tambahnya.

Encik Lee berkata IHL telah mula mengemas kini kurikulum mereka bagi menerapkan kemahiran ini.

“Kita perlu (memahami dengan) jelas bahawa AI tidak boleh menggantikan proses pembelajaran manusia di sekolah dan institusi pengajian tinggi kita,” kata Encik Lee.

Encik Lee merujuk kepada pandangan yang diterbitkan *The Straits Times* (ST) oleh Presiden NUS, Profesor Tan Eng Chye, mengenai bagaimana cabaran dalam menimba ilmu – yang merangkumi usaha membuat kajian, mempersoal, dan mendalami sesuatu perkara – merupakan sebahagian daripada komponen asas dalam proses pembelajaran dan pendidikan.